



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

PERLU RUNDINGAN DAN TOLERANSI

Oleh **MUHAMMAD
ARIFF ASYRUL ADNAN**

PERMULAAN 2016 dikejutkan dengan insiden konflik diplomatik antara negara Arab Saudi dengan Iran. Ini disebabkan oleh tindakan Arab Saudi yang menjatuhkan hukuman gantung kepada 47 orang penganut Syiah yang didakwa atas tuduhan terlibat dalam gerakan penganas.

Hukuman itu turut melibatkan seorang ulama Syiah yang berpengaruh, Sheikh Nimr al-Nimr dan kemudiannya membawa kepada berlakunya serangan ke atas Kedutaan Arab Saudi di Teheran yang menghangatkan lagi krisis diplomatik di antara kedua-dua negara.

Bagi menganalisis konflik ini, terdapat pelbagai andaian yang dikemukakan. Ada yang mengatakan bahawa faktor minyak sebagai punca dan ada juga mengatakan pertembungan mazhab sebagai punca. Namun, jika ditelusuri dari aspek pensejarahan, konflik di antara kedua-dua negara ini bukanlah suatu perkara yang baharu dalam politik negara Asia Barat.

Bahkan perang dingin di antara Arab Saudi dan Iran sudah lama wujud yang dipengaruhi oleh perang mazhab antara pihak Sunni dan Syiah. Perkara ini dilihat sebagai konflik yang berpaksikan kepada pertembungan ketamadunan dalam komuniti Islam di peringkat global.

Iran, terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai budaya ilmu yang boleh dikatakan komprehensif dan mempunyai perspektif yang agak kritikal apabila melihat Arab Saudi melayani penganut Syiah di dalam wilayah Saudi. Umum mengetahui, Arab Saudi sebahagian besar pendapatan negara tersebut adalah berpunca daripada urusan niaga minyak yang sumbernya banyak terdapat di bahagian Barat negara itu.

Namun, di kawasan tersebut, majoriti penduduk adalah terdiri daripada penganut mazhab Syiah yang tidak diiktiraf oleh kerajaan Arab Saudi yang mana pihak Saudi khuatir akan wujudnya penentangan yang mengancam struktur monarki beraja di negara tersebut.

Perkara ini adalah manifestasi daripada konflik berpanjangan antara Iran dan Arab Saudi sejak jatuhnya rejim Shah Iran Reza Pahlavi (1979) yang mengundang kepada usaha Arab Saudi untuk memastikan tidak wujud penentangan yang mampu mengancam keluarga beraja di Saudi.

Atas dasar ini, dikatakan banyak tunjuk perasaan berlaku di wilayah tersebut yang tidak dilaporkan kepada umum dan apabila timbul isu ulama Syiah dijatuhkan hukuman bunuh atas justifikasi terlibat dalam keganasan ia dilihat menjadi kemuncak kepada perbalahan dua negara ini yang mendorong kepada tindakan Arab Saudi memutuskan hubungan diplomatik dengan Iran.

Konflik diplomatik yang berlaku ini pastinya akan membawa kepada campur tangan kuasa luar yang melihat peluang campur tangan secara halus khususnya bagi negara-negara besar seperti Amerika Syarikat (AS) dan Rusia dalam memperoleh kepentingan sumber minyak. Harus diketahui bahawa Arab Saudi adalah sekutu kuat bagi AS dan pastinya AS akan melindungi sekutu kuatnya dalam konflik ini.

Negara jiran seperti Bahrain dan Sudan juga sudah menyatakan keputusan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Iran disebabkan oleh serangan yang berlaku ke atas kedutaan Arab Saudi di Tehran yang menjelaskan sokongan mereka terhadap Arab Saudi.

**BERSAMBUNG
DI SEBELAH**

Perkara yang digusarkan adalah apabila kuasa luar cuba untuk memanipulasi keadaan yang berlaku dalam konflik diplomatik ini dengan menjadikan faktor pertentangan mazhab Sunni-Syiah ini sebagai medium untuk meraih peluang mencampuri urusan perdamaian dengan menambahkan lagi konflik sedia ada.

Sejarah membuktikan dengan campur tangan kuasa besar dalam konflik antara dua pihak dalam sesebuah negara menyumbang kepada runtuhnya sistem kerajaan sedia ada seperti yang berlaku di Syria. Oleh demikian, seharusnya dua pihak iaitu Saudi dan Iran menyelesaikan masalah ini dengan sebaiknya supaya tiada urusan campur tangan secara halus daripada pihak kuasa luar yang boleh mengeruhkan lagi keadaan.

Memandangkan sistem antarabangsa lebih menekankan kepada aspek pelaksanaan kuasa lunak (*soft power*) dalam menyelesaikan konflik antara dua pihak di peringkat global, pendekatan terbaik yang dilihat sebagai medium penyelesaian konflik Arab Saudi-Iran ini adalah melalui pendekatan rundingan.

Rundingan yang dimaksudkan bukan sekadar rundingan biasa tetapi rundingan besar-besaran yang melibatkan peranan institusi antarabangsa yang keahliannya terdiri daripada dua negara yang terlibat dalam konflik.

Namun, setakat ini, kedua-dua pihak hanya memutuskan hubungan diplomatik dengan memanggil balik duta negara masing-masing. Sekiranya konflik berlarutan, pendekatan rundingan melibatkan pihak tengah boleh dijadikan sebagai medium un-

tuk menyelesaikan konflik.

Persoalannya di sini, pihak mana yang patut memainkan peranan dalam menjadi orang tengah dalam urusan perundingan antara Arab Saudi-Iran? Pertama, dapat dikenal pasti keperluan peranan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sebagai institusi yang mempunyai potensi sebagai orang tengah. Ini kerana, OIC adalah pertubuhan yang mana ahlinya terdiri daripada negara-negara Islam dan kedua-dua negara iaitu Arab Saudi dan Iran adalah ahli kepada OIC.

Justeru, kedua-dua pihak seharusnya melakukan rundingan bagi menyelesaikan konflik dan OIC bertindak sebagai pihak yang menguruskan perundingan tersebut. Kedua, sekiranya OIC tidak dapat menguruskan perdamaian dan rundingan, institusi antarabangsa lain seperti Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM) mempunyai keupayaan menguruskan sesi rundingan itu.

Ketiga, sekiranya masih tidak dapat diselesaikan, cara terakhir adalah dengan membawa isu ini ke peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kerana krisis diplomatik kedua-dua pihak melibatkan banyak negara dan kuasa besar. Oleh itu, keperluan peranan institusi antarabangsa dilihat sebagai perlu sekiranya konflik ini berlanjutan dalam tempoh yang panjang dan mampu menggugat kestabilan politik dan ekonomi khususnya di rantau Asia Barat.

Memandangkan kedua-dua negara adalah negara Islam yang dominan dalam kalangan negara Islam yang mengamalkan nilai-nilai Islam baik dari segi aspek ekonomi, politik dan sosial, seharusnya kembali kepada pengamalan toleransi

dalam menyelesaikan isu ini memandangkan toleransi adalah sebahagian dari nilai Islam.

Kita tidak mahu tragedi yang sama berlaku dalam kalangan negara Islam seperti mana yang berlaku di negara Islam lain seperti Afghanistan, Iraq dan Syria yang pada akhirnya merugikan kita. Sekiranya sifat toleransi ini wujud, pastinya konflik ini dapat diselesaikan dan tidak memerlukan campur tangan kuasa besar dan juga institusi antarabangsa.

PENULIS ialah Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi di UiTM Raub, Pahang.



MASYARAKAT Syiah Greece memegang sepanduk dan kain rentang yang menunjukkan gambar ulama Syiah terkenal Nimr al-Nimr semasa mengadakan demonstrasi berhampiran kedutaan Arab Saudi di Athens pada 6 Januari lalu. - AFP

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

